



UTUSAN  
MALAYSIA

JUMAAT • 10.05.2019

# Mega

mimbar f mega utusan malaysia



## Ramadan, cabaran berganda mutawif

**D**IANGGARKAN hampir menyamai jumlah jemaah haji, mengerjakan ibadah umrah dalam bulan Ramadan merupakan antara masa dinanti-nanti dan menjadi rebutan setiap umat Islam beriman dari seluruh pelosok dunia.

Bagaimanapun, menyempurnakan ibadah tersebut ketika berpuasa tidak mudah disangka. Selain cabaran kepdatan jemaah di Tanah Suci, persekitaran dan cuaca terik yang jauh berbeza dari tanah air menguji keimanan serta kesabaran setiap jemaah.

Apatah lagi ibadah yang memerlukan hampir sepenuhnya kepada kekuatan fizikal itu dihadapi dalam

### Fokus

Oleh HISYAMUDDIN  
AYUB  
ayama@utusan.com.my



keadaan berlapar dan dahaga. Jika itu dianggap mencabar, ramai kurang menyedari dari sisi lain pengorbanan itu menjadi lebih berganda bagi petugas yang dipertanggungjawabkan mengendalikan jemaah umrah.

Bukan sekadar memimpin, memberi tunjuk ajar, menyelesaikan segala permasalahan dan menyediakan jawapan kepada kekeliruan dihadapi jemaah, namun hakikat tugas seorang mutawif atau pembimbing jemaah umrah adalah lebih



MUHAMMAD HAFIZ  
ZULKIFLI



MUHAMMAD HAFIZ  
SHAARI



MOHD. FAHMI  
SAMSUDIN

daripada itu. Justeru, ia memerlukan kelkhasan tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab dikanal sekali gus memperoleh ganjaran besar dan fadilat dijanjikan Allah.

Bagi mutawif muda, Muhammad Hafiz Shaari, 28, tugas pembimbing jemaah menuntutnya untuk berbakti

kepada kumpulan peserta kendaliannya sepanjang masa termasuk pada bulan Ramadan.

Anak kelahiran Bukit Merah, Perak itu berkata, sebarang permasalahan yang berlaku kepada jemaah adalah tanggungjawabnya termasuk membawa jemaah sakit mendapatkan rawatan.

"Menguruskan orang merupakan tugas yang mencabar. Dengan pelbagai ragam, seorang mutawif perlu menghadapi semua ujian itu dengan penuh kesabaran terutama dalam bulan Ramadan ketika mana Allah mahu menguji keimanan seseorang semasa berada di Tanah Suci.

"Namun, saya menyahut cabaran ini dan seronok dapat menabur bakti kepada jemaah umrah. Saya mula melaksanakan tugas sebagai mutawif semasa berada pada semester akhir di Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu ketika mengikuti

kegiatan Sarjana Muda Bahasa Arab," katanya yang ditemui Mega, Mimbar, Utusan Malaysia, baru-baru ini.

**S**EMENTARA itu Mohd. Fahmi Samsudin, 28, turut mengakui sebagai mutawif perlu mempunyai tahap kesabaran tinggi terutama dalam membimbing jemaah mengerjakan ibadah.

Pemegang diploma dalam bidang Usuluddin dari Kolej Islam As-Sofa itu berkata, pelbagai ujian ditempuhi oleh mutawif semasa menguruskan jemaah, namun perkara itu seharusnya tidak menjadi persoalan utama serta penghalang kepadanya untuk menabur bakti kepada tetamu Allah dan menziarahi Nabi Muhammad SAW.

"Saya sememangnya menanam cita-cita untuk menjadi seorang mutawif kerana ia satu tugas yang mulia. Selain membolehkan saya terus mendalami ilmu agama, saya juga berjaya membimbing orang lain dalam melakukan ibadah kepada Allah.

"Menjadi seorang mutawif turut mengajar saya agar pantas membuat keputusan dan meningkatkan tahap diplomasi. Semua ini penting demi memastikan keadilan buat semua jemaah yang berada di bawah bimbingan saya sekali gus melancarkan perjalanan melaksanakan ibadah di Tanah Suci.

"Apa yang lebih menarik, sebagai mutawif saya berpeluang berada di Tanah Suci dengan lebih kerap termasuk semasa Ramadan. Ini merupakan satu kelebihan terbaik untuk menjana pahala selain berbakti kepada jemaah menunaikan ibadah di tanah kelahiran Nabi Muhammad SAW," kata pemuda dari Ampang, Selangor itu.

Dalam pada itu, Muhammad Hafiz Zulkifli, 27, berkata, bertugas sebagai mutawif membolehkannya menambah ilmu selain berharap tugas yang dilakukan itu mampu menjadi bekal terbaik buatnya untuk mencari kegembiraan Allah.

Jelas pemegang Diploma Tahfiz Quran, Kolej Islam Pulau Pinang itu, kegembiraan Allah pastinya akan memudahkan segala urusan insan di dunia dan kemungkinan boleh menjadi asbab memperoleh kebaikan di akhirat.

"Untuk mencapai kegembiraan Allah ini, kita sebagai seorang mutawif perlu ikhlas menunaikan tugas biar seberat manapun ujian diberikan. Tugas perlu dilaksanakan sepenuh hati dan sama sekali tidak membiarkan jemaah tanpa bimbingan sebaiknya.

"Dalam masa sama kesihatan dan kekuatan fizikal adalah



ANDALUSIA turut berkongsi keuntungan dengan menaja jemaah kurang berkemampuan menunaikan umrah.



MD. DAUD CHE'NGAH (tengah) sering melakukan perbincangan bersama petugas Andalusia bagi memastikan syarikat pelancongan itu terus maju.

perkara penting bagi seorang mutawif. Tugas sebagai mutawif menuntut untuk bergerak pantas dan berupaya menjaga semua jemaah dengan baik selain harus mempunyai suara yang jelas dalam memberi penerangan kepada mereka," katanya yang telah berkhidmat sebagai mutawif sejak lima tahun lalu.

### AKADEMI MUTAWIF

Mencipta nama dalam industri pelancongan dan umrah yang sebelum ini dimonopoli oleh kaum bukan bumiputera memerlukan daya usaha tinggi dalam usaha meletakkan nama pada tahap tertinggi atau sebaris dengan nama syarikat besar lain.

Pengurus Eksekutif Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd. (Andalusia), Datuk Md. Daud Che Ngah berkata, pelbagai usaha digembelingkan termasuk mewujudkan Akademi

## CERITA DARIPADA MUTAWIF



DATO' HJ. MD DAUD  
CHE'NGAH  
Mantan Pengurus Besar  
Lembaga Tabung Haji



MD. DAUD  
CHE'NGAH  
menunjukkan buku  
hasil nukilannya  
berhubung kisah-  
kisah menarik  
kumpulan mutawif.

"Pengambilan kumpulan mutawif muda tempatan bukan sahaja memudahkan urusan mengendalikan jemaah dari negara ini dan hubungan antara mutawif bersama jemaah lebih rapat, malah memiliki solusi terbaik dalam menyelesaikan beberapa masalah melibatkan hukum ekoran perbezaan pendapat sekiranya menggunakan mutawif bukan dari Malaysia," katanya.

Mengulas lanjut, bekas Pengurus Besar Lembaga Tabung Haji itu berkata, sebahagian besar jemaah yang mengikuti umrah bersama kumpulan mutawif muda Andalusia bukan sahaja berpuas hati dengan perkhidmatan diberikan, malah mempunyai ilmu untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul serta mempunyai daya penarik tersendiri termasuk boleh berlagu atau bermasyid bagi menghiburkan jemaah.

Tambahnya, selain sanggup meluangkan masa 24 jam bersama jemaah, kelebihan mutawif tempatan berkomunikasi dalam bahasa Arab juga menjadi satu kelebihan buat jemaah kerana mereka berasa selamat dan tidak mudah ditipu ketika berada di Tanah Suci.

"Setakat ini kami mempunyai kumpulan mutawif tempatan berkaliiber seramai 286 pembimbing.

Jumlah ini sekali gus mampu memenuhi permintaan jemaah yang menginginkan kumpulan pembimbing dalam kalangan warga tempatan," katanya.